

SOALAN NO. 533**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : YANG BERHORMAT DATO' DR. MUJAHID BIN YUSOF RAWA

SOALAN :

YB Dato' Dr. Mujahid Bin Yusof Rawa [Parit Buntar] minta PERDANA MENTERI menyatakan sejauh manakah Akta Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017 yang diluluskan sudah menunjukkan tanda keberkesanannya.

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017 [*Akta 792*] telah mula berkuat kuasa pada 10 Julai 2017. Akta ini adalah suatu tambahan kepada undang-undang sedia ada iaitu Kanun Keseksaan [*Akta 574*], Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran 2007 [*Akta 670*], Akta Kanak-Kanak 2001 [*Akta 611*], Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 [*Akta 588*] dan Akta Penapisan Filem 2002 [*Akta 620*] dan peruntukan-peruntukan di bawah Akta ini merangkumi kesalahan-kesalahan jenayah seksual yang tidak terdapat dalam undang-undang sedia ada tersebut.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, pada 22 Jun 2017 Mahkamah Jenayah Seksual Terhadap Kanak-Kanak yang pertama di Malaysia dan Asia Tenggara telah dilancarkan oleh YAB Perdana Menteri di Istana Kehakiman, Putrajaya dan telah pun mula beroperasi secara rasmi pada 4 Julai 2017.

Setakat 26 Julai 2017, terdapat sebanyak 62 kes telah didaftarkan di Mahkamah Jenayah Seksual Terhadap Kanak-Kanak dan pecahan status kes adalah seperti berikut: 11 kes telah selesai, 25 dalam sebutan, dan 26 kes masih dalam perbicaraan.

Sekian, terima kasih.